

08 AUG 2003

EKSLUSIF-INDIA

PERNIAGAAN M'SIA DAPAT FAEDAH DSARIPADA SIDANG PUNCAK PERNIAGAAN KEDUA  
INDIA-ASEAN

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Sidang Kemuncak Perniagaan Kedua India-Asean, yang bakal diadakan di New Delhi dan Mumbai awal bulan hadapan dijangka menerima respons dan minat daripada pengusaha Malaysia.

Ini disebabkan susulan positif daripada sidang kemuncak perniagaan pertama yang diadakan di New Delhi dan Hyderabad dalam bulan Okt 2002, yang menyaksikan peningkatan perdagangan dan maklumat projek antara India dan Malaysia serta negara Asean lain.

Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Puan Veena Sikri, dalam satu pertemuan eksklusif dengan Bernama di sini semalam berkata, sidang kemuncak perniagaan itu membabitkan interaksi perbincangan sebenar dan bermakna.

Sidang yang bakal diadakan antara 4 dan 5 Sept di New Delhi dan 6 Sept di Mumbai, dianjurkan bersama oleh Kementerian Luar dan kerajaan India serta Persekutuan Perdagangan dan Industri India (FICCI) dan Persekutuan Perindustrian India (CII).

"Industri (India) merasakan ideal untuk mengadakan interaksi perniagaan. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menghadiri sidang kemuncak perniagaan pertama dan ianya berjaya dengan Dr Mahathir meminta India menggunakan Malaysia sebagai gerbang ke Asean," katanya.

Sidang kemuncak itu adalah acara penting sebelum diadakan Sidang Kemuncak kedua Asean-India, yang akan diadakan di Bali Okt ini.

Delegasi perdagangan yang terdiri daripada pemimpin perniagaan utama dari Malaysia dan negara Asean lain dijangka mengambil bahagian.

Ekoran kemajuan menggalakkan dalam perdagangan dan hubungan antara India dan Asean, focus sidang kemuncak kedua itu akan berasaskan kepentingan kedua-dua pihak.

Sikri berkata, sidang itu akan memfokus 10 bidang, dengan enam daripadanya akan dibincangkan di New Delhi dan bakinya di Mumbai.

Keenam-enamnya ialah pertanian dan pemprosesan makanan; pelancongan; prasarana; perkhidmatan penjagaan kesihatan; bio-teknologi; dan farmasi.

Yang lain ialah pembangunan sumber manusia (HRD) dan pendidikan tinggi; maklumat, komunikasi dan telekom; mempromosikan perdagangan dan aliran kewangan serta hiburan; dan pengilangan kejuruteraan ringan dan komponen auto.

Perdagangan bilateral antara Malaysia dan India berjumlah AS\$2.4 bilion dalam 2002, dengan import Malaysia berjumlah AS\$643.37 juta dan eksport bernilai US\$1.76 bilion.

Di segi pelaburan, Malaysia ialah pelabur ke-10 terbesar di India mengikut pelaburan asing terus (FDI) yang diluluskan antara 1991 hingga Nov 2002.

India ialah pelabur ke-13 terbesar di Malaysia dengan pelaburan lebih AS\$340 juta antara 1980 hingga Jun 2002.

Sehingga akhir 2002, terdapat 23 syarikat India dan 57 usahasama India beroperasi di Malaysia, dengan pelaburan usahasama terbesar dilakukan oleh Pan-Century dalam pemprosesan minyak sawut. -- BERNAMA

SHO TJK AHM